

# Ikan mati tiada kaitan gempa bumi

» *Ujian kualiti air dibuat tidak mengesan kandungan kimia berbahaya*



sia Sabah (UMS), Dr Moh Pak Yan, berkata ujian kualiti air yang dijalankan pihaknya tidak mengesan kandungan kimia berbahaya di sungai yang berpunca dari Gunung Kinabalu itu.

Beliau berkata, kejadian ikan yang tiba-tiba mati dan terdampar di tebing sungai terbahit dipercayai disebabkan keadaan air yang terlalu keruh dan kehadiran terlalu banyak kotoran dalam air yang menjejaskan sistem pernafasan ikan.

## Air sangat keruh

"Air sangat keruh akibat banjir lumpur disebabkan runtuh tanah dan batuan di lereng Gunung Kinabalu sebelum hanyut dibawa hujan ke sungai.

"Ujian pada 11 Jun dan 12 Jun lalu mendapati kadar kekeruhan

air sangat tinggi.

"Ujian kandungan kimia, oksigen dan paras kealkalian atau keasidan air pula menunjukkan bacaan yang normal. Ini menunjukkan kematian ikan di sungai terbahit bukan disebabkan bahan kimia dalam air," katanya, semalam.

Penduduk di hulu Sungai Kadamaian dan Sungai Mesilou sebelum ini mengesan banyak ikan mati terdampar di tebing sungai sejurus banjir lumpur melanda berikutan runtuh tanah dan batuan di Gunung Kinabalu.

## Tak perlu gusar

Dr Moh berkata, air dari sungai terbahit yang sudah dirawat, boleh diminum dan digunakan untuk aktiviti harian penduduk.

"Kami turut menjalankan ujian di mata air panas Poring, Ranau untuk mengesan jika ada perubahan dalam kandungan air panas semula jadi di situ selepas gempa bumi pada magnitud 5.9 pada 5 Jun lalu. Ujian menunjukkan tiada perubahan ketara dalam kandungan air panas di situ.

"Suhunya sekitar 59 darjah Cel-



Dr Moh Pak Yan

sius, hampir sama seperti suhu sebelum ini. Begitu juga kandungan logam dalam air yang hampir sama.

"Sehubungan itu, orang ramai tidak perlu bimbang dengan keadaan air panas di Poring kerana ia tidak memudaratkan," katanya.

Ketika gempa bumi bulan lalu, air panas di Poring dikatakan bertukar menjadi kelabu, dipercayai kesan gegaran dalam tanah yang menjejaskan kualitinya.

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah  
thaddius@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Ikan mati di Sungai Kadamaian, Kota Belud dan Sungai Mesilou di Kundasang selepas gempa bumi awal bulan lalu, bukan disebabkan kandungan kimia dalam air yang didakwa me-

ngalir dari kawasan runtuh tanah dan batuan akibat bencana di Gunung Kinabalu.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Malay-